



JABATAN KEHAKIMAN,
93506 KUCHING,
SARAWAK.

fail

Telefon: 082—244721
Kawat: REGCOURT
No. Fax: 082—417322

Semua Hakim,
Mahkamah Sesyen,
Sabah dan Sarawak.

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (44) dlm. JUD.134/1

Tarikh: 18 Ogos, 1994

Semua Timbalan Pendaftar/
Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
Sabah and Sarawak.

Semua Majistret,
Mahkamah Majistret,
Sabah dan Sarawak.

Tuan/Puan,

ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 1994

Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1994
Bidang Kuasa Tambahan kepada Mahkamah Sesyen

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan memaklumkan bahawa Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1994 telahpun berkuatkuasa mulai 24 Jun, 1994.

2. Pindaan tersebut memberi kuasa kepada Mahkamah Sesyen untuk mendengar semua tuntutan gantirugi yang berbangkit daripada kemalangan kenderaan motor, kes tuan tanah atau tuan rumah dan penyewa, dan distress bagi sewa serta juga lain-lain kes di mana amaun atau nilai hal perkara itu tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit.

3. Sehubungan dengan itu, Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak mengarahkan agar semua kes-kes baru bagi kategori di atas, yang difailkan selepas 24 Jun, 1994, hendaklah difailkan di Mahkamah Sesyen yang berkenaan. Manakala kes-kes berkenaan yang telah sedia ada (pending) di Mahkamah Tinggi hendaklah terus di dengar dan diselesaikan di peringkat Mahkamah Tinggi.

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(GABRIEL GUMIS HUMEN)
Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak,
KUCHING.

s.k. Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak

Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman,
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Presiden,
Persatuan Peguambela-Peguambela Sarawak,
d/a Bangunan Mahkamah,
93506 Kuching.

Presiden,
Persatuan Peguambela-Peguambela Sabah,
Peti Surat 11350,
88815 Kota Kinabalu.

SL/ja

HAK MILIK PERPUSTAKAAN PKPMP